

**Kesungguhan PM buat pembangkang setuju
Bharian Online
September 22, 2011
Oleh Haspaizi Mohd Zain**

Kesediaan sertai Jawatankuasa Pemilih Parlimen

KUALA LUMPUR: Pakatan pembangkang semalam membuat keputusan menyertai Jawatankuasa Pemilih Parlimen bagi tujuan transformasi pilihan raya selepas melihat kesungguhan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu melaksanakan pembaharuan terhadap sistem pilihan raya negara.

Keputusan itu menyaksikan pakatan pembangkang yang dianggotai Parti Keadilan Rakyat (PKR), PAS dan DAP akan menghantar wakil masing-masing bagi menganggotai jawatankuasa berkenaan yang akan dibentangkan penubuhannya di Parlimen Oktober ini.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keputusan untuk menyertai jawatankuasa berkenaan dibuat selepas melihat kesungguhan Najib untuk melaksanakan pembaharuan selain memberi ruang kepada kerajaan untuk melakukannya.

"Mesyuarat majlis pimpinan pakatan bersetuju untuk menyertai jawatankuasa berkenaan dan kita akan bawa wakil kita supaya menyampaikan mandat rakyat yang dicetuskan oleh BERSIH. Pakatan akan beri kerjasama penuh bagi menjayakannya.

"Kita (pakatan pembangkang) rela bekerjasama dengan Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya yang adil dan bersih. Kita mahu satu jaminan bahawa akan berlaku perubahan dalam sistem pilihan raya dan ini yang akan diberi perhatian oleh jawatankuasa berkenaan.

"Pakatan sudah buat keputusan, soal syarat (yang dikemukakan pembangkang sebelum ini) bukan masalah, lima syarat itu akan terus dikemukakan dalam mesyuarat jawatankuasa berkenaan, termasuk resolusi BERSIH," katanya selepas mesyuarat majlis pimpinan pakatan pembangkang di ibu pejabat PAS, di sini, semalam.

Hadir sama Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang; Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar dan Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali.

Lima syarat pembangkang sebelum ini ialah penetapan tarikh pilihan raya secara bersama, mendesak kerajaan menerima semua resolusi BERSIH, isu pemberian kad pengenalan harus menjadi agenda utama jawatankuasa, kerajaan perlu terima keputusan jawatankuasa pemilih dan jaminan bahawa kerajaan serius mahu melaksanakan pembaharuan dalam proses pilihan raya.

Jawatankuasa Pemilih Parlimen diumumkan Perdana Menteri Ogos lalu akan dianggotai wakil daripada pihak kerajaan BN dan pembangkang untuk membincangkan reformasi pilihan raya yang perlu dilakukan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

Anwar berkata, sehingga kini pakatan belum memutuskan wakil rakyat yang akan menyertai jawatankuasa berkenaan dan satu mesyuarat khas akan diadakan bagi tujuan itu.

Mengulas mengenai pengagihan kerusi bagi menghadapi PRU13, beliau tidak menafikan

ada percanggahan berhubung perkara itu, namun yakin ia akan dapat diselesaikan dalam tempoh ditetapkan.

Hak Cipta Terpelihara 2011 - Berita Harian Sdn. Bhd.

Source:

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KesungguhanPMbuatpembangkangsetuju/Article>